

Berita Harian ◆ SAJIAN KHAS HARI INI: SEMANGAT WATAN

Josephine gesa Home Team manfaat teknologi

HOME Team harus sentiasa mencari jalan untuk mendekati misi mereka di tengah-tengah persekitaran yang tidak menentu.

Khususnya, Menteri Perhubungan dan Penerangan merangkap Menteri Kedua Ehwal Dalam Negeri, Cik Josephine Teo, berkata bahawa ia penting untuk memanfaatkan teknologi sebagai pengganda kuasa untuk menambah sumber dan meningkatkan keberkesanan operasi.

“Persekitaran operasi kami adalah dinamik dan kompleks, dan semakin tidak menentu dan mudah berubah.

“Kami harus sentiasa bersedia menangani ancaman yang semakin meningkat yang dihadapi kita, seperti keganasan, penipuan, kempen maklumat bermusuhan, dan perpecahan masyarakat,” katanya semasa Majlis Penyampaian Biasiswa dan Penajaan MHA (Kementerian Ehwal Dalam Negeri) semalam.

Menekankan kepentingan meningkatkan usaha transformasi Home Team, Cik Josephine berkata terdapat pelbagai usaha yang sudah dijalankan.

Contohnya, awal tahun ini, Penguasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA) telah memperkenalkan Inisiatif Pelepasan Automatik untuk membolehkan pelancong yang layak, termasuk pelancong asing, untuk menjalani pemeriksaan imigresen menggunakan lorong automatik.

Demi meningkatkan keupayaan MHA menangani jenayah, polis juga akan meluaskan rangkaian kameranya kepada lebih 200,000 kamera di tempat awam menjelang 2030.

Dengan adanya keupayaan analisis video, ia akan memberi amaran dengan segera kepada pegawai yang memantau kamera.

Untuk mengukuhkan keupayaan pegawai kecemasan, Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF) dan HTX telah melancarkan Mak-

mal Penyesuaian dan Perbaikan Kesihatan Pasukan Kecemasan (Excel) bulan lalu.

EXCEL menilai prestasi kognitif, fisiologikal dan daya ketahanan pegawai SCDF dan Home Team dan menyediakan program latihan sesuai untuk meningkatkan keupayaan mereka.

Semasa acara tersebut seramai

148 pegawai Home Team telah menerima biasiswa, penajaan atau anugerah belajar daripada MHA.

118 daripada mereka akan menyambung pelajaran di peringkat sarjana muda, sementara lagi 30 akan menyambung pengajian di peringkat possiswazah.

Seramai lapan pegawai juga telah menerima Hadiah Buku MHA.

Mengucapkan tahniah kepada penerima biasiswa dan penajaan itu, Cik Teo berkata:

“Dianugerahkan biasiswa atau tajaan adalah satu pengiktirafan atas perkhidmatan kecemerlangan anda dan bukti kepercayaan kami terhadap potensi anda untuk menyumbang kepada Home Team dengan cara yang lebih besar.”



CIK JOSEPHINE TEO

Gagal mohon biasiswa dua kali tidak halang pegawai ICA cuba lagi

► NATASHA MUSTAFA
nmustafa@sph.com.sg

PERBAIKI diri, sentiasa kembangkan kemahiran dan maju dalam apa sahaja yang beliau lakukan.

Itulah prinsip yang dipegang teguh oleh CI(1) Mohamed Iskandar Mohamed sepanjang perjalanan persekolahannya serta kerjayanya.

Mula berkhidmat bersama Penguasa Imigresen dan Pusat Pemeriksaan (ICA) tujuh tahun lalu, Encik Iskandar telah memegang jawatan pegawai pemeriksaan utama di Pusat Pemeriksaan Tuas.

Kini, pegawai berusia 32 tahun itu merupakan seorang penganalisis yang melakukan pemprofilan serta menganalisis maklumat data.

Berpegang kepada prinsipnya dan ingin meneruskan kemajuannya sebagai pegawai, beliau yang merupakan antara penerima Biasiswa Ijazah Kementerian Ehwal Dalam Negeri (MHA) tahun ini bakal melanjutkan pengajiannya di Universiti Sains Kemasyarakatan Singapura (SUSS).

Memulakan pengajiannya dalam bidang Keselamatan Awam dan Sekuriti hujung bulan ini, Encik Iskandar menjelaskan ia akan memperluaskan perspektifnya tentang pelbagai aspek keselamatan yang harus diperhatikan di sini.

“Dalam kursus ini kami bukan hanya akan pelajari tentang konteks Singapura tetapi juga konteks antarabangsa.

“Apa yang mungkin memahami dari perkataan keselamatan adalah hanya keselamatan negara. Tetapi terdapat juga ada isu lain contohnya, keselamatan makanan yang harus diberi perhatian sebelum ia terlalu lambat dan menjejaskan rakyat kita,” katanya.

Melahirkan rasa syukur dan gembira menerima biasiswa ini, Encik Iskandar berkata ia merupakan perjalanan yang sukar.

Sebelum ini, beliau pernah memohon biasiswa ini sebanyak dua kali sebelum berjaya dipilih.

“Apabila aplikasi saya ditolak sebelum ini saya memang rasa kecewa tetapi tidak pernah berputus asa,” katanya.

“Mungkin ia bukan lagi rezeki saya.

“Bagi saya kejadian ini hanya membakar semangat diri sendiri untuk terus bekerja lebih keras sebelum melakukan permohonan sekali lagi.

“Akhirnya tahun ini, saya dapat rasakan bahawa usaha saya selama beberapa tahun ini tidak sia-sia,” jelasnya.

Walaupun beliau ghairah melanjutkan pengajiannya tidak lama lagi, bekas pelajar Ngee Ann Politeknik dalam bidang kejuruteraan mekatronik itu mempunyai beberapa prihatin.

Antaranya termasuk bagaimana beliau dapat berkomunikasi bersama pelajar-pelajar lain yang lebih muda serta kebolehnya untuk meresap informasi seperti dulu.

“Saya tamat pengajian saya di politeknik pada 2011, jadi saya prihatin sekiranya saya dapat menyesuaikan diri di sekolah,” katanya sambil tertawa.

Namun begitu, bapa seorang anak lelaki dan tidak lama lagi seorang anak perempuan itu berkata keluarga merupakan dorongannya untuk terus mencuba dan melakukan terbaik untuk keluarganya.



TIDAK PUTUS ASA: Pernah memohon biasiswa sebanyak dua kali sebelum akhirnya berjaya, Encik Iskandar berharap ia dapat menjadi contoh bagi anak-anak muda supaya tidak putus asa. – Foto ICA

Mengulas tentang apa yang beliau berharap dapat mencapai melalui program ini, Encik Iskandar berharap dapat berinteraksi bersama generasi muda untuk mendapatkan perspektif yang berlainan.

“Mereka yang akan mengambil kursus ini bersama saya adalah remaja yang berusia 18, 19 dan mungkin 21 tahun. Mereka mungkin mempunyai perspektif lain berbanding kepada apa yang saya sudah alami dalam pekerjaan harian saya. Jadi saya tidak sabar berkolaborasi bersama mereka dan membantu satu sama lain untuk menyediakan negara yang lebih selamat dalam masa akan datang,” ujarnya.